

Pengukuran Prestasi Sumber Maklumat Elektronik: Pendekatan E-Metrics

Diselaraskan oleh **Mazmin Mat Akhir** *mazmin@unimap.edu.my*

BAHAGIAN AKHIR

E-Metrics juga menyenaraikan **tiga (3) elemen pengukuran prestasi** bertujuan untuk mengukur perbandingan antara perkhidmatan konvensional dengan perkhidmatan berasaskan media elektronik. Pengukuran ini penting sebagai asas input untuk pembangunan sumber, penempatan staf dan penentuan aliran penyampaian perkhidmatan.

Peratus Transaksi Rujukan Elektronik Daripada Keseluruhan Transaksi Rujukan

KONSEP Rujukan elektronik merujuk kepada soalan rujukan yang diterima secara elektronik atau maklum balas rujukan yang disampaikan secara elektronik. **Konsep elektronik** merujuk kepada **saluran mel elektronik, borang elektronik** dan pelbagai lagi. Ia juga melibatkan **transaksi rujukan** menggunakan projek konsortium di peringkat tempatan dan nasional.

Jumlah rujukan merujuk kepada bilangan rujukan **secara konvensional** meliputi transaksi secara berhadapan, telefon dan faks.

KAEDAH Pengukuran prestasi bagi transaksi rujukan boleh dilaksanakan melalui aktiviti berikut :

- Tentukan pengambilan statistik mengikut minggu atau bulan secara persampelan. Langkah ini dilaksanakan sekiranya pengambilan statistik secara berterusan tidak dapat dilaksanakan.
- Bagi membuat pengukuran, gunakan formula berikut :

$$\frac{\text{Transaksi rujukan elektronik}}{\text{Jumlah transaksi rujukan}} \times 100$$

TRANSAKSI

Konsep transaksi merujuk kepada bilangan permohonan dan bukannya bilangan soalan.

Peratus Kunjungan Pengguna Secara Virtual Berbanding Keseluruhan Kunjungan Pengguna

KONSEP Kunjungan maya merujuk kepada **kunjungan pengguna ke laman web perpustakaan atau katalog atas talian di luar ruang/bangunan fizikal perpustakaan**. Ini tidak termasuk bilangan kunjungan/pengguna yang menggunakan sumber elektronik menggunakan kemudahan di dalam ruang perpustakaan.

Jumlah kunjungan merujuk kepada semua bilangan kunjungan maya dan kunjungan secara fizikal

KAEDAH Pengukuran prestasi dibuat menggunakan formula berikut :

$$\frac{\text{Bilangan kunjungan maya}}{\text{Kunjungan maya + kunjungan fizikal}} \times 100$$




Peratus Buku Elektronik Berbanding Jumlah Monograf

KONSEP Buku elektronik merujuk kepada semua buku/monograf teks penuh yang ditawarkan oleh perpustakaan sama ada melalui kontrak langganan dengan pembekal atau melalui langganan atau perolehan melalui konsortium. Ini meliputi semua buku elektronik seperti Books 24 x 7, **netlibrary e-Books** dan **buku elektronik** yang diakses melalui pangkalan data agregat. Kategori ini juga tidak meliputi buku teks penuh dalam format cakera padat yang diterima bersama buku atau buku akses terbuka.

KAEDAH Pengukuran ini boleh dilaksanakan menggunakan formula berikut :

$$\frac{\text{Bilangan buku elektronik}}{\text{Buku elektronik + buku bercetak + lain-lain bahan monograf}} \times 100$$



PENUTUP

Secara asasnya, **e-metrics** menyediakan panduan pengumpulan statistik dan pemilihan gabungan statistik sebagai petunjuk prestasi perkhidmatan, koleksi dan kemudahan perpustakaan.

Rujukan:

Resources Measure for Electronic (E-metrics) (2002), Washington: Association of Research.